

TARIKH: 8/3/2023
SURAT KHBAR: Berita Harian
MUKA SURAT: 22

Bisnes

Rabu,
8 Mac 2023

bhbiz@nstp.com.my



→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Guna pekerja tempatan, tawar gaji minimum RM3,000 pada 2027



Sime Darby mahu ubah persepsi perladangan sebagai sektor 3D

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Sime Darby Plantation Bhd (SDP) merancang untuk mengambil 100 peratus pekerja tempatan menjelang akhir 2027 dengan tawaran gaji minimum RM3,000.

Pengarah Urusan Kumpulan SDP, Mohamad Helmy Othman Basha, berkata langkah itu membantu syarikat perladangan berkenaan mengurangkan ketergantungan terhadap pekerja asing.

Katanya, langkah juga mendorong mereka ke arah peningkatan mekanisasi dan automasi di ladang.

"Sasaran akhir kami adalah mengurangkan tenaga kerja sebanyak mungkin. Bagi Malaysia, kami mahu mengambil penduduk tempatan.

"Kami mahu mempunyai 100 peratus pekerja tempatan. Saya tahu ia sasaran yang tinggi, tetapi inilah hala tuju kami menjelang akhir 2027 dengan gaji minimum RM3,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panelis pada Persidangan & Pameran Unjuran Harga Minyak Sawit & Laurik (POC2023) di Kuala Lumpur, semalam.

Mohamad Helmy berkata, sebelum COVID-19, pengeluar minyak sawit bersepadu itu menggajikan 75 peratus pekerja asing di estet,

sementara 25 peratus adalah pekerja tempatan.

"Kini, kami hanya menggajikan 60 peratus pekerja asing dan 40 peratus tempatan. Kami mahu mengubah persepsi mengenai sektor perladangan sebagai industri kotor, berbahaya dan sukar (3D).

"Kami mahu menjadikan pekerjaan lebih mudah dan tidak memeritkan. (Namun) sudah tentu pada masa sama, kos dan produktiviti adalah penting," katanya.

Untung bersih RM2.49 bilion

Beliau menambah, SDP turut menyasarkan untuk meningkatkan nisbah pekerja-tanahnya untuk ladang minyak sawit ke 1:17.5 hektar (satu pekerja untuk 17.5 hektar) daripada nisbah semasa 1:15 hektar.

SDP mencatatkan untung bersih RM2.49 bilion bagi tahun

keuangan berakhir 31 Disember 2022, meningkat 10 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pertumbuhan kukuh itu disokong operasi hiliran kumpulan, Sime Darby Oils (SDO) yang mencatatkan keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) RM859 juta pada tahun kewangan 2022, 61 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Purata harga minyak sawit mentah (MSM) direalisasikan lebih tinggi 20 peratus berbanding tahun sebelumnya, mengimbangi penurunan 10 peratus dalam pengeluaran buah tandan segar (BTS).

Pengeluaran BTS kumpulan pada tahun kewangan 2022 mencabar di Malaysia yang kesan sebahagiannya diimbangi pengeluaran lebih baik dalam operasi di Indonesia, Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon.

“Kami mahu mempunyai 100 peratus pekerja tempatan. Saya tahu ia sasaran yang tinggi, tetapi inilah hala tuju kami menjelang akhir 2027.”

Mohamad Helmy Othman Basha,
Pengarah Urusan
Kumpulan SDP

